

# Bengkel Penulisan Proposal Penyelidikan Sosial

*um /4·03·2012 26*  
KOTA KINABALU 13 Mac - Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempelawa orang ramai untuk menyertai Bengkel Penulisan Proposal Penyelidikan Sosial (pasca sisiwazah) yang akan diadakan pada 28 dan 29 Mac ini.

Pegawai Bahagian Perhubungan Korporat UMS, Salbinous Salibun berkata, penyertaan terbuka kepada orang ramai khususnya pelajar-pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian di peringkat pasca sisiwazah.

“Ini termasuk pelajar-pelajar yang kini mengikuti pengajian pasca sisiwazah di UMS. Bengkel itu bertujuan membimbing bakal-bakal pemohon program ijazah lanjutan khususnya dalam bidang Sains Sosial,” jelas beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, bengkel tersebut akan diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Sekolah Sains Sosial UMS bermula pukul 8.30 pagi hingga 5 petang.

Katanya, tarikh tutup penyertaan pada 22 Mac ini dan ia adalah percuma dan terhad kepada 30 orang.

Sehubungan itu, mereka yang berminat boleh menghubungi Maine Suadik menerusi 016-8059335 atau Pauline Yong, 016-8292802.